



## ***PM beramah mesra bersama mahasiswa UNITEN***

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam menunaikan solat Jumaat di Masjid Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Kajang selepas menikmati makan tengah hari dan beramah mesra dengan mahasiswa di medan selera dalam kampus universiti berkenaan. Yang hadir sama, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad; Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Ir Baharin Din dan Naib Canselor UNITEN, Dr Nopr Azuan Abu Osman.

(Foto BERNAMA)